

**Bab Léon**

## BAB EMPAT

### ANALISA KATA DASAR *AL-'AQL* PADA PENGAKHIRAN AYAT AL-QURAN DALAM KONTEKS *MUNĀSABAH AL-* *QUR'ĀN*

#### 4.1 PENGENALAN

Perkataan yang berasal dari kata dasar *al-'aql* disebut sebanyak 49 kali dalam al-Quran, tetapi hanya 43 daripadanya sahaja terletak di penghujung ayat.<sup>1</sup> Lafaz-lafaz tersebut diakhiri dengan beberapa *sighah* iaitu *al-istifhām* ( ﴿أَنْلَا تَعْقِلُونَ﴾ - لا يَعْقِلُونَ - ), *al-nafi* ( لَقُولُمْ يَعْقِلُونَ - التَّفْيِيرُ ) , *al-taqrir* ( لَتَكُنْمْ يَعْقِلُونَ - التَّرْجِيمُ ) , ( الإِسْتِهْمَامُ ) dan *jumlah syari'iyah* ( إِنْ كُنْتُمْ يَعْقِلُونَ - حُمَّةٌ شَرِيكٌ ) . Penghujung lafaz tersebut kesemuanya diakhiri dengan huruf yang lazim digunakan dalam *fāsilah* iaitu waw ( و ) dan nun ( ن ) . Seperti yang dinyatakan sebelum ini, penggunaan huruf-huruf tersebut bertujuan untuk menghasilkan irama bacaan yang indah disamping penyempurnaan makna ayat.

#### 4.2 MAKNA *AL-'AQL* DALAM AL-QURAN

Berdasarkan analisa yang dibuat, penulis menemui beberapa makna *al-'aql* dalam al-Quran. Makna tersebut diperolehi melalui *munāsabah* antara ayat yang dilihat dari sudut tafsirannya. Sehubungan dengan itu penulis menggunakan

<sup>1</sup> Rujuk Lampiran A

beberapa buah tafsir bagi membantu kajian ini. Setelah membuat pemerhatian, penulis mendapati bahawa makna *al-'aql* dalam al-Quran secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua kategori berdasarkan pentafsirannya dalam ayat. Pertama, dalam ayat-ayat tertentu ia mempunyai hanya satu makna sahaja. Kedua, dalam keadaan tertentu ia mempunyai beberapa makna. ( contohnya lihat 4.2.1 – 4.2.2 )

#### **4.2.1 *Al-'aql* yang mempunyai satu makna.**

Berdasarkan tafsiran yang diberikan oleh para mufasir terdapat beberapa makna *al-'aql* dalam kategori ini iaitu:

##### **4.2.1.1 *Tafakkara* ( تَفْكِيرٌ )**

*Tafakkara* ( تَفْكِيرٌ ) ialah perkataan yang berasal dari kata akar *fakara* ( فَكَرَ ) iaitu gerak kerja yang dilakukan oleh akal mengenai sesuatu yang diketahuinya untuk mengetahui sesuatu yang belum diketahui.<sup>2</sup> Manakala *al-tafakkur* ( التَّفْكِيرُ ) pula bererti *al-ta'ammul* ( التَّأْمُلُ ) iaitu memerhati.<sup>3</sup> *Al-'aql* dalam maksud ini merupakan makna yang paling banyak penulis temui. Sebahagian besar daripadanya adalah ayat berkaitan dengan ciptaan Allah s.w.t (ayat *kawniyyāt*) yang merupakan bukti kebesaran dan keagunganNya. Salah satu daripadanya firman Allah s.w.t:

<sup>2</sup> Ibrāhīm Anīs et al. (t.t), *al-Mu'jam al-Wāsiṭ*, j. 2, c. 2. T.T.P: T.P, h. 698.

<sup>3</sup> Al-'Allāmah Abi Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukarram Ibn Manzūr (1994), *Lisān al-'Arab*, j. 5, c. 3. Beirut: Dār al-Šādir, h. 65.

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْخَلَافَ الَّتِي وَالثَّهَارِ وَالْفُلْكَ الَّتِي تَحْرِي  
فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَاءٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ  
بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ ذَائِبٍ وَكَسْرِيفٍ الرِّيحَ وَالسَّحَابَ الْمُسَخَّرِ بَيْنَ  
السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لَا يَاتِي لِقَوْمٍ يَعْنِلُونَ<sup>(164)</sup>

*Maksudnya: Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta la biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran.*

Surah al-Baqarah (2): 164

Tafsiran ayat ini mempunyai hubungan rapat dengan ayat sebelumnya

- وَالْهُكْمُ إِلَهٌ وَاحِدٌ لَا إِلَهٌ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ - *Dan Tuhan kamu ialah Tuhan yang Maha Esa;*

*tiada Tuhan (Yang berhak disembah) selain dari Allah, yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.).* Allah s.w.t membuktikan keesaanNya melalui ciptaan-ciptaanNya yang perlu diperhati seperti:

1. Penciptaan langit dan bumi dan segala yang terkandung dalam kedua-duanya. Penggunaan kata *jama'* bagi perkataan ( ) amat sesuai dengan kejadiannya yang bertingkat-tingkat.<sup>4</sup> Berbeza dengan kejadian

<sup>4</sup> Al-Qādī al-Quḍāḥ al-Imām Abū Su'ud Muhammād bin Muhammād al-'Amādī (1994), *Tafsīr Abī Su'ud al-Musammā Irsyād al-'Aql al-Salīm ilā Mazāyā al-Qur'ān al-Karīm*, j. 1, c. 4. Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabi, h. 184.

bumi yang hanya terdiri daripada satu unsur sahaja iaitu tanah.<sup>5</sup> Oleh sebab itu tiada perkataan *jama'* bagi kalimah (الارض).

2. Pertukaran malam dan siang yang mana ia saling silih berganti antara satu sama lain mengikut pengaturanNya.<sup>6</sup>
3. Keupayaan kapal belayar di lautan tanpa menenggelamkan muatannya.<sup>7</sup> Pelayaran tersebut diatur mengikut ketentuan hukum alam yang ditetapkan. Kejadian tersebut sekaligus dapat memahamkan kita tentang tabiat atau sifat benda-benda yang berkaitan dengannya seperti sifat air, benda-benda berat, udara, bahan api dan bahan bakar.<sup>8</sup>
4. Penurunan hujan yang menyuburkan bumi dan menghidupkan pelbagai jenis pohon dari tanam-tanaman dan bunga-bungaan.<sup>9</sup>
5. Pertebaran pelbagai jenis haiwan di atas muka bumi ini.<sup>10</sup> Kejadian tersebut bersesuaian dengan firman Allah s.w.t:

وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلُّ شَيْءٍ حَيًّا

*Maksudnya: Dan Kami jadikan dari air tiap-tiap benda hidup.*  
Surah al-Anbiyā' (21): 30

6. Pertukaran arah angin dan peredaran awan yang berlaku antara langit dan bumi. Menurut al-Alūsi, Allah s.w.t berkuasa mengubah dan menentukan haluan tiupan angin sama ada ke selatan, utara, timur dan barat. Demikian

<sup>5</sup> Abī Muḥammad al-Husayn bin Maṣ'ūd al-Farrā' al-Baghawī (1993), *Tafsīr al-Baghawī al-Musammā Ma'ālim al-Tanzīl*, j. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 93.

<sup>6</sup> Abī Su'ūd (1994), *op.cit.*, j. 1, h. 184.

<sup>7</sup> Al-Baghawī (1993), *op.cit.*, j. 1, h. 94.

<sup>8</sup> Dr. Muḥammad Maḥmūd Ḥijāzī (1978), *al-Tafsīr al-Wāqīḥ*, j. 1, c. 9. T.T.P: T.P, h. 87.

<sup>9</sup> Abī Su'ūd (1994), *op.cit.*, j. 1, h. 184. Lihat juga al-Sayyid Maḥmūd Syukrī al-Alūsi (t.t), *Rūḥ al-Ma'āni fī Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm wa al-Sab' al-Mathānī*, j. 1. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabi, h. 32.

<sup>10</sup> Abī Su'ūd (1994), *op.cit.*, j. 1, h. 184.

juga dalam menentukan waktu panas dan waktu dinginnya serta waktu kencang dan waktu tenangnya.<sup>11</sup>

Menurut al-Rāzī kesemua ciptaan ini merupakan pembuktian secara 'aqliyyah tentang kewujudan Allah s.w.t.<sup>12</sup> Ia turut menjadi bukti kebesaran dan keesaanNya bagi orang-orang yang berfikir dan melihat dengan mata akal.<sup>13</sup> Malah hanya orang yang mempunyai kekuatan akal sahaja boleh memikirkan keajaiban ciptaanNya ini. Sifat taklid atau ikut-ikutan dalam mengakui kewujudan Allah s.w.t bukanlah cara yang betul untuk mengetahui kewujudanNya.<sup>14</sup>

Antara ayat *al-'aql* lain yang turut membawa maksud *tafakkara* ialah ayat dari surah *al-Ra'd* ayat 4. Intipati yang hendak dijelaskan dalam ayat ni ialah keupayaan Allah s.w.t menghasilkan buah dengan pelbagai warna, bentuk, rasa dan bau walaupun ia terhasil daripada tempat tumbuh (bumi) dan sumber air (hujan) yang sama. Ini membuktikan bahawa Pencipta tersebut Maha Bijaksana dan Maha Berkuasa.

Manakala dalam ayat 80 surah *Ia-Mu'minūn* pula, lafaz *al-'aql* dalam *sīghah istifhām inkāri* (سُلْطَنَةِ إِسْتِفْهَامٍ إِنْكَارٍ ) ditujukan kepada golongan musyrikin. Ia bertujuan untuk menempelak golongan ini supaya berfikir tentang segala ciptaan Allah s.w.t. Sepatutnya mereka melihat dan merenungnya dan seterusnya

<sup>11</sup> Al-Alūsī (t.t), *op.cit.*, j. 1, h. 32.

<sup>12</sup> Al-Fakhr al-Rāzī (t.t), *al-Tafsīr al-Kabīr*, j. 4, c. 2. Tehran: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 179.

<sup>13</sup> Abi Su'ūd (1994), *op.cit.*, j. 1, h. 185.

<sup>14</sup> Al-Rāzī (t.t), *op.cit.*, j. 4, h. 179.

mengakui bahawa semua itu daripada Allah s.w.t dan hanya Dia yang berkuasa mengaturnya.<sup>15</sup>

Demikian juga dalam (*al-Rūm* (30): 24), (*al-Jāthiyah* (45): 5), (*al-Mu'min* (23): 67) dan (*al-Nahl* (16): 12). Allah memperlihatkan kebesaranNya melalui penciptaan alam semesta dan penciptaan manusia. Walau bagaimanapun, tidak semua lafaz *al-'aql* dalam ayat *kawniyyāt* bermaksud *tafakkara*. Ini kerana penulis menemui beberapa makna lain bagi kategori ayat tersebut.<sup>16</sup>

Selain daripada ayat *kawniyyāt*, *al-'aql* dalam maksud *tafakkara* turut dibincangkan dalam beberapa ayat lain. Umpamanya firman Allah s.w.t dalam ayat 65 surah *Āli Imrān*:

يَا أَهْلَ الْكِتَابَ لَمْ تُحَاجُّوْنَ فِي إِبْرَاهِيمَ وَمَا أَنْزَلْتُ التُّورَةَ وَالْإِنْجِيلُ إِلَّا مِنْ  
بَعْدِهِ أَفَلَا يَقْرَئُونَ (65)

*Maksudnya: Wahai Ahli Kitab! Mengapa kamu berani memperdebatkan tentang (agama) Nabi Ibrahim, padahal Taurat dan Injil tidak diturunkan melainkan kemudian daripada (zaman) Ibrahim; patutkah (kamu berdegil sehingga) kamu tidak mahu menggunakan akal?*

Surah *Āli Imrān* (3): 65

Menurut tafsiran al-Rāzī, Allah s.w.t mendatangkan ayat ini bagi mematahkan dakwaan orang Yahudi dan Nasrani yang menganggap Nabi Ibrahim a.s dari golongan mereka. Dakwaan tersebut tidak berasas kerana Taurat dan Injil yang mereka jadikan pegangan itu diturunkan selepas Nabi Ibrahim.<sup>17</sup> Jadi, mana

<sup>15</sup> Al-'Allāmah Abī al-Faḍl Syīḥab al-Dīn al-Sayyid Māhmūd Syukrī al-Alūsī (1993), *Rūb al-Ma'ānī fī Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīz wa al-Sab' al-Mathānī*, j. 18. Beirut: Dār al-Fikr, h. 85.

<sup>16</sup> Ia akan ditemui dalam perbincangan seterusnya.

<sup>17</sup> Jarak masa antara Ibrahim dengan Musa sangat panjang iaitu 1000 tahun dan antara Musa dan Isa juga 1000 tahun. Terdapat pertelingkahan pendapat mengenai jarak masa antara mereka.

mungkin beliau dari golongan mereka.<sup>18</sup> Menurut Abī Su'ūd (أبى سعىد) di sini bermaksud (أنتَ تفکرون) iaitu tidakkah kamu berfikir akan ketidakbenaran dakwaan kamu itu?.<sup>19</sup>

Demikian juga firman Allah s.w.t dalam ayat 67 surah *al-Anbiyā'*:

أَفَلَا يَتَكَبَّرُونَ مِنْ ذُنُونِ اللَّهِ أَفَلَا يَتَعَقَّلُونَ (67)

*Maksudnya: "Jijik perasaanku terhadap kamu dan apa yang kamu sembah selain Allah! Maka mengapa kamu tidak mau menggunakan akal fikiran kamu?"*

Surah al-Anbiyā' (21): 67

Ayat ini merupakan rakaman celaan Nabi Ibrahim a.s terhadap sikap kaumnya yang mendustakan seruan yang dibawa. Ia berkait rapat dengan ayat sebelumnya yang mengisahkan dialog antara Nabi Ibrahim dengan kaumnya ketika mereka mencari pemusnah patung-patung yang mereka anggap sebagai tuhan. Beliau meminta mereka bertanyakan hal tersebut kepada satu patung yang masih elok.<sup>20</sup> Perkara ini telah menyedarkan mereka bahawa patung-patung tersebut sebenarnya sedikit pun tidak memberi apa-apa mudarat dan manfaat kepada mereka. Merujuk beberapa tafsir, (أنتَ تفکرون) dalam ayat ini bermaksud (أنتَ تفکرون) iaitu tidakkah kamu berfikir tentang keburukan yang kamu ciptakan itu?<sup>21</sup>

---

Penulis hanya mengambil salah satu daripada pendapatnya sahaja. Lihat al-Alūsi (1993), *op.cit.*, j. 3, h. 310.

<sup>18</sup> Al-Rāzī (t.t). *op.cit.*, j. 8, c. 2, h. 87.

<sup>19</sup> Abī Su'ūd (1994), *op.cit.*, j. 2, h. 48.

<sup>20</sup> Nabi Ibrahim telah memusnahkan semua patung sembahannya kecuali satu patung sahaja, dan patung itulah yang diminta menjawab segala persoalan mereka.

<sup>21</sup> Abī Su'ūd (1994), *op.cit.*, j. 6, h. 76. Lihat juga Alūsi (1994), *op. cit.*, j. 10, h. 100.

Adapun *al-'aql* dalam ayat 32 surah *al-An'ām* dan ayat 60 surah *al-Qasās* pula merupakan perbincangan mengenai perbandingan antara dua kehidupan iaitu kehidupan dunia dan kehidupan akhirat. Manusia disuruh berfikir mengenainya dan seterusnya menentukan apa yang terbaik untuknya. Firman Allah s.w.t:<sup>22</sup>

وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَعْبٌ وَلَهُوَ الْأَخْرَجُ خَيْرٌ لِلنَّاسِ يَتَقَوَّنُ أَفَلَا  
يَعْقِلُونَ (32)

*Maksudnya: Dan tidak (dinamakan) kehidupan dunia melainkan permainan yang sia-sia dan hiburan yang melalaikan: dan demi sesungguhnya negeri akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa. Oleh itu, tidakkah kamu mahu berfikir?*

Surah al-An'ām (6): 32

Ayat ini mengukuhkan ayat sebelumnya bahawa ada kehidupan lain selepas kehidupan dunia iaitu kehidupan akhirat.<sup>23</sup> Kehidupan di dunia hanyalah kehidupan yang tidak memberi faedah sehingga diumpamakan seperti medan permainan kanak-kanak yang hanya mendapat keseronokan sementara.<sup>24</sup> Adapun akhirat pula merupakan tempat yang lebih baik bagi mereka yang menjauhi kekufuran dan kemaksiatan<sup>25</sup> kerana ganjaran nikmat dan kelazatan yang akan mereka perolehi bersifat kekal abadi. Menurut tafsiran Abī Su'ūd (أبى سعىد ) bererti<sup>26</sup> iaitu tidakkah kamu berfikir akhirat itu lebih baik daripada dunia?<sup>27</sup>

<sup>22</sup> Penulis mendatangkan satu contoh sahaja.

<sup>23</sup> Abī Su'ūd (1994), *op.cit.*, j. 3, h. 125.

<sup>24</sup> Ahmad Muṣṭafā al-Marāghī (1963), *Tafsīr al-Marāghī*, j. 7, c. 3. Mesir: Syarikah Maktabah wa Matba'ah, h. 107.

<sup>25</sup> *Ibid.* Lihat juga al-Alūsī (1993), *op.cit.*, j. 7, h. 195.

<sup>26</sup> Abī Su'ūd (1994), *op.cit.*, j. 3, h. 126.

<sup>27</sup> Al-Baghāwī (1993), *op.cit.*, j. 2, h. 77.

Manakala dalam ayat 51 surah Hūd pula, *al-'aql* dalam istilah *tafakkara* dibincang dari konteks ganjaran yang diperolehi lantaran menyampaikan ajaran dan nasihat Allah s.w.t. FirmanNya:

يَا قَوْمٌ لَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا إِنْ أَخْرِي إِلَّا عَلَى الَّذِي فَطَرْتُنِي أَفَلَا  
تَعْقِلُونَ (51)

*Maksudnya: Wahai kaumku! Tiadalah aku meminta sebarang upah daripada kamu tentang (ajaran yang aku sampaikan) itu. Upahku hanyalah dari Allah yang menciptakan daku; maka mengapa kamu tidak mahu menggunakan akal (untuk mengetahui kebenaran)?*

Surah Hūd (11): 51

Ayat ini berkait rapat dengan ayat sebelumnya yang mengisahkan tentang Nabi Hud a.s dengan kaumnya 'Ād. Baginda diutuskan oleh Allah s.w.t untuk menyampaikan seruan menyembah Allah yang satu. Seruan itu juga dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Sehubungan itu, Allah s.w.t merakamkan kata-kata Nabi Muhammad s.a.w kepada kaumnya dalam ayat ini dan ia juga merupakan kata-kata Nabi Hud a.s kepada kaumnya.<sup>28</sup>

Baginda s.a.w memberitahu bahawa apa yang beliau lakukan sebenarnya ikhlas semata-mata kerana Allah Taala, bukan untuk manfaat dirinya sendiri. Beliau hanya mengharapkan balasan dari Allah yang menciptakannya, bukan dari tuhan yang disembah oleh kaumnya. Justeru itu, lafaz (أَفَلَا تَعْقِلُونَ) di sini bermaksud (أَفَلَا تَفْكِرُونَ)<sup>29</sup> iaitu tidakkah kamu berfikir bahawa segala ajaran dan

<sup>28</sup> Al-Rāzī (t.t), *op.cit.*, j. 18, h. 10.

<sup>29</sup> Abi Su'ūd (1994), *op.cit.*, j. 4, h. 216.

nasihat yang disampaikan itu tidak memerlukan apa-apa ganjaran melainkan dari Allah s.w.t.<sup>30</sup>

Secara ringkasnya, terdapat 12 ayat *al-'aql* dalam istilah *tafakkara* yang mana ia berhubung dengan hal-hal berikut:

1. Ayat yang menyebut tentang ciptaan-ciptaan Tuhan ataupun lebih dikenali sebagai ayat *kawniyyāt*.<sup>31</sup>
2. Ayat yang membicarakan tentang keburukan yang dilakukan oleh golongan yang mendustakan agama tauhid lantaran kejahilan yang mereka sendiri ciptakan.<sup>32</sup>
3. Ayat yang membicarakan tentang kebaikan yang diperolehi lantaran menyampaikan ajaran dan suruhan Allah.<sup>33</sup>
4. Ayat yang membuat perbandingan umum antara kehidupan dunia dan kehidupan akhirat.<sup>34</sup>

#### 4.2.1.2 *Tadabbara* ( تَذَبَّر )

Manakala *tadabbara* ( تَذَبَّر ) pula berasal dari kata akar *dabbara* ( دَبَّرَ ) iaitu meneliti sesuatu serta melihat padahnya.<sup>35</sup> *Al-'aql* dalam istilah ini dibincangkan dalam beberapa ayat. Misalnya ayat 100 dan 10 masing-masing dari surah *Yūmūs*

<sup>30</sup> Al-Alūsī (1994), *op.cit.*, j. 7, h. 119.

<sup>31</sup> Ayat-ayat tersebut ialah (al-Baqarah (2): 164), (al-Ra'd (13): 4), (al-Mu'minūn (23): 80), (al-Rūm (30): 24), (al-Jātiyah (45): 5), (al-Mukmin (40): 60) dan (al-Nahl: 12)

<sup>32</sup> Ayat-ayat tersebut ialah (Āli Imrān (3): 65) dan (al-Anbiyā' (21): 67).

<sup>33</sup> Ayat tersebut ialah (Hūd (11): 51)

<sup>34</sup> Ayat-ayat tersebut: (al-An'ām (6): 32) dan (al-Qaṣāṣ (28): 60)

<sup>35</sup> Ibrāhīm Anis *et al.* (t.1), *op.cit.*, j. 1, h. 269. Lihat juga Ibn Manzūr (1990), *op.cit.*, j. 4, h. 273.

dan *al-Anbiyā'* membincangkan *al-tadabbur* dari konteks ayat dan isi kandungan al-Quran. Firman Allah s.w.t dalam surah *Yūnus*:<sup>36</sup>

وَمَا كَانَ لِنَفْسٍ أَنْ يُؤْمِنَ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَيَعْقُلُ الرَّجُسُ عَلَى الدِّينِ لَا يَعْقُلُونَ (100)

*Maksudnya: Dan tiadalah sebarang kuasa bagi seseorang untuk beriman melainkan dengan izin Allah (melalui undang-undang dan peraturanNya); dan Allah menimpakan azab atas orang-orang yang tidak mahu memahami (perintah-perintahNya).*

Surah Yūnus (10): 100

Di sini Allah s.w.t menegaskan bahawa keimanan seseorang itu sebenarnya bergantung kepada kehendak Allah s.w.t. Sekiranya Dia berkehendakan demikian, maka diberikan hidayah (keimanan) kepada orang-orang yang mentadabbur ayat-ayatNya. Mereka ini sentiasa memilih kebaikan dan menjauhi kejahanatan, malah sentiasa berusaha mendapatkan manfaat dalam hidup bukan kemudaratannya.<sup>37</sup> Begitu juga sebaliknya, Dia berhak menyekat hidayah kepada orang-orang kafir yang enggan mentadabbur ayat-ayatNya.<sup>38</sup> Pengklasifikasian ayat ini bersesuaian dengan tafsiran yang diberikan oleh al-Alūsi dan Abi Su‘ūd, menurut mereka (عَلَى الَّذِينَ لَا يَتَّقُونَ) bermaksud orang-orang yang tidak menggunakan akal untuk melihat dalil-dalil, hujah-hujah dan ayat-ayat Allah s.w.t.<sup>39</sup>

Adapun *tadabbur* dalam ayat 17 surah *al-Hadīl* pula mempunyai kaitan dengan ayat sebelumnya yang menceritakan tentang larangan menjadi seperti orang Yahudi dan Nasrani yang menjadikan jarak masa yang panjang antara

<sup>36</sup> Penulis mendatangkan satu contoh sahaja.

<sup>37</sup> Al-Marāghi (1963), *op.cit.*, j. 11, h. 158

<sup>38</sup> *Ibid.*

<sup>39</sup> Abi Su‘ūd (1994), *op.cit.*, j. 4, h. 177. Lihat juga al-Alūsi (1994), *op.cit.*, j. 7, h. 285.

seorang rasul dengan rasul yang lain sebagai alasan hati mereka menjadi keras dan seterusnya berpaling daripada suruhan dan larangan agama. Sehubungan dengan itu, Allah menurunkan perumpamaan ini supaya diteliti sebagaimana firmanNya:

اَعْلَمُو اَنَّ اللَّهَ يُخْرِي الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا فَذَبَّا لَكُمُ الْآيَاتِ لَقَلْكُمْ  
ۚ تَعْقِلُونَ (17)

*Maksudnya: Ketahuilah kamu, bahawa Allah menghidupkan bumi sesudah matinya; sesungguhnya Kami telah menjelaskan kepada kamu keterangan-keterangan dan bukti, supaya kamu memahaminya.*

Surah al-Hadid (57): 17

Ayat ini datang untuk mengumpamakan hati yang keras perlu dihidupkan dengan zikir dan bacaan al-Quran seperti bumi yang mati perlu dihidupkan dengan siraman air hujan.<sup>40</sup> Perumpamaan ini sebenarnya didatangkan supaya kamu menelitinya<sup>41</sup> dan dapat beramat untuk mendapat kebahagiaan dunia dan akhirat.<sup>42</sup> Demikian juga perumpamaan yang diturunkan oleh Allah s.w.t di dalam ayat 28 surah *al-Rūm*.

*Al-'aql* dalam istilah ini secara ringkasnya dibincangkan dalam beberapa konteks ayat iaitu:

1. ayat-ayat yang berhubung dengan isi kandungan al-Quran.<sup>43</sup>
2. ayat-ayat yang berhubung dengan perumpamaan Allah s.w.t.<sup>44</sup>

<sup>40</sup> Al-Marāghī (1962), *op.cit.*, j. 27, h. 172. Lihat juga al-Alūsī (1994), *op.cit.*, j. 25, h. 278. Menurut al-Alūsī, *munāsabah* ayat ini dengan ayat sebelumnya datang dalam bentuk *al-istiṣrād*. Lihat al-Alūsī (1994), *op.cit.*, j. 25, h. 278.

<sup>41</sup> Al-Marāghī, *ibid.*, h. 172 & 174.

<sup>42</sup> Al-Alūsī (1994), *op.cit.*, j. 25, h. 278.

<sup>43</sup> Ayat-ayat tersebut ialah (Yūmūs (10): 100) dan (al-Anbiyā' (21): 10)

<sup>44</sup> Ayat-ayat tersebut ialah (al-Hadid (57): 17) dan (al-Rūm (30): 28)

Berhubung dengan analisa ayat yang membawa maksud *tafakkara* dan *tadabbara*, penulis menghadapi sedikit kesulitan untuk membezakan kedua-dua perkataan ini. Sekilas pandang kedua-duanya seolah-olah memberi maksud yang sama. Justeru tidak hairanlah sekiranya penulis menemui pertembungan maksud dalam beberapa tafsir sepanjang kajian ini terutamanya dalam membezakan kedua-dua perkataan ini. Umpamanya lafadz *al-'aql* dalam surah *al-Qasas*, menurut al-Alusi dan Abi Su'ud ia bermaksud *tafakkara*, adapun menurut al-Marāghi ia bererti *tadabbara*. Jadi, apabila berdepan dengan situasi ini penulis mengambil pendapat yang paling banyak dan seterusnya membuat satu kesimpulan sendiri.

Pada dasarnya kedua-dua perkataan ini mempunyai maksud yang tersendiri dan berbeza antara satu sama lain. Makna *tafakkara* merujuk kepada gerak kerja yang dilakukan oleh akal manusia untuk mengetahui sesuatu perkara yang belum diketahui. Sedangkan *tadabbara* pula lebih tertumpu kepada gerak kerja yang dilakukan oleh akal untuk melihat akibat sesuatu perkara. Dengan kata lain *tadabbara* bersifat lebih terperinci berbanding *tafakkara*.

#### 4.2.1.3 *I'tabara* (جَعْل)

Seperti penulis sebutkan sebelum ini, *al-'aql* dalam ayat *kawniyāt* bukan terbatas kepada makna *tafakkara* sahaja. Malah penulis menemunya dalam beberapa makna lain. Salah satu daripadanya membawa maksud *i'tabara* iaitu mengambil pengajaran atau nasihat.<sup>45</sup> Firman Allah s.w.t:

<sup>45</sup> Ibrāhim Anis et al. (t.t), *op.cit.*, j. 2, h. 580.

وَمِنْ ثَمَرَاتِ التَّحْلِيلِ وَالْأَعْنَابِ تُشَدِّدُونَ مِنْهُ سَكَراً وَرِزْقًا حَسَنًا إِنْ فِي ذَلِكَ لَا يَكُونُ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ (67)

*Maksudnya: Dan dari buah tamar (kurma) dan anggur kamu jadikan daripadanya minuman haram dan makanan serta minuman yang halal; sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang mahu menggunakan akalnya.*

Surah al-Nahl (16): 67

Ayat ini berkisar mengenai kehidupan alam semesta yang diciptakan oleh Allah s.w.t untuk manfaat manusia. Seperti ayat *kawniyyāt* lain, ia bertujuan untuk membuktikan keesaan dan kekuasaan Allah s.w.t. Namun begitu, hanya orang-orang yang melihat dan merenung dengan mata akal sahaja akan mengakuinya.<sup>46</sup> Antara nikmat yang dikurniakan ialah buah-buahan yang boleh dijadikan makanan dan minuman.<sup>47</sup> Menurut Abū Ḥayyān (بنقلون) dalam ayat ini bermaksud (عَزِيزٌ). Ia berdasarkan *munāsabah* perkataan (عَزِيزٌ) pada pembukaan ayat sebelumnya (إِنَّ رَبَّكُمْ بِنِ الْأَنْعَامِ عَزِيزٌ... – *Dan sesungguhnya pada binatang ternak itu terdapat pengajaran bagi kamu...*). Sesungguhnya hanya orang yang mempunyai akal sahaja boleh mengambil pengajaran.<sup>48</sup>

Manakala perbincangan lafaz *al-'aql* dalam (*al-Ankabūt* (29): 35), (*Yāsīm* (36): 62) dan (*al-Sāffāt* (38): 138) pula tertumpu kepada pengajaran yang perlu diambil daripada kaum-kaum terdahulu. Umpamanya firman Allah s.w.t dalam suruh *al-Ankabūt*:

<sup>46</sup> Abī Su'ūd (1994), *op.cit.*, j. 5, h. 125. Lihat juga al-Alūsi (1994), *op.cit.*, j. 8, h. 269.

<sup>47</sup> Minuman di sini bermaksud minuman yang terhasil daripada buah-buahan tersebut. Menurut al-Baghawī (البغوي) di sini bermaksud arak. Tambahnya lagi, ayat ini ditarunkan sebelum pengharaman arak. Lihat Al-Baghawī (1993), *op.cit.*, j. 3, h. 62

<sup>48</sup> Al-Alūsi (1994), *op.cit.*, j. 8, h. 269..

وَلَقَدْ ؤَرَكْنَا مِنْهَا آيَةً بَيِّنَةً لِّقَوْمٍ يَقْتَلُونَ (35)

Maksudnya: *Dan demi sesungguhnya, Kami telah (binasakan bandar itu dan telah) tinggalkan bekas-bekasnya sebagai satu tanda (yang mendatangkan iktibar) bagi orang-orang yang mahu memahaminya.*

Surah al-Ankabüt (29): 35

Ayat ini merupakan sambungan cerita ayat sebelumnya yang mengisahkan tentang azab atau balasan yang ditimpakan ke atas kaum Lut a.s lantaran perbuatan mereka yang menyukai kaum sejenis. Allah s.w.t meninggalkan kesan-kesan kebinasaan<sup>49</sup> yang menimpa kaum ini supaya dapat diambil pengajaran.<sup>50</sup> Manakala *al-'aql* dalam surah *al-Sāffāt* ayat 138 pula ditujukan kepada kaum musyrikin Mekah supaya mengambil pengajaran atas kebinasaan yang ditimpakan kepada umat terdahulu kerana enggan mengikuti ajaran nabi mereka. Demikian juga dalam ayat 62 surah *Yāsīn* yang mana Allah s.w.t mencela orang-orang kafir Mekah yang melakukan kesalahan kerana bertuankan syaitan dan iblis. Di penghujung ayat tersebut Allah s.w.t mendatangkan pertanyaan ‘adakah kamu melihat kebinasaan yang ditimpakan kepada golongan terdahulu lantaran menuruti jalan syaitan?’<sup>51</sup>

Berbeza pula konsep *al-'aql* dalam ayat 68 dari surah *Yāsīn* di mana Allah s.w.t menyuruh orang-orang yang enggan beriman denganNya mengambil pengajaran daripada hukum alam yang Allah aturkan pada setiap hambaNya. Firman Allah Taala dalam ayat tersebut:

<sup>49</sup> Menurut Ibn 'Abbas kesan tersebut ialah kesan runtuhannya rumah mereka. Manakala menurut Qatadah ia merupakan batu yang membina bekasnya mereka yang mana boleh dilihat oleh umat-umat terawal. Dan menurut Mujāhid pula, ia merupakan air hitam yang mengalir di muka bumi ini. Lihat Al-Baghāwī (1993), *op.cit.*, j. 3, h. 401.

<sup>50</sup> Al-Marāghī (1966), *op.cit.*, j. 20, h. 138.

<sup>51</sup> Al-Alūsi (1994), *op.cit.*, j. 13, h. 61.

وَمَنْ نَعْمَرْهُ لَنْكَسْنَةٌ فِي الْخَلْقِ أَفَلَا يَقْلُونَ (68)

*Maksudnya: Dan (hendaklah diingat bahawa) sesiapa yang Kami panjangkan umurnya, Kami balikkan kembali kejadianinya (kepada keadaan serba lemah; hakikat ini memang jelas) maka mengapa mereka tidak mahu memikirkannya?*

Surah Yāsin (36): 68

Mengikut hukum alam yang ditetapkan oleh Allah s.w.t, setiap manusia yang dipanjangkan usianya akan dikembalikan kepada kejadian asalnya iaitu keadaan mula-mula dia sampai ke bumi – bayi. Mereka akan dikembalikan kepada jasad yang lemah, akal yang cetek (nyanyuk) dan hidup tanpa kefahaman dan sensitiviti diri.<sup>52</sup> Di penghujung ayat tersebut Allah s.w.t telah menempelak mereka ‘Tidakkah mereka melihat semua itu?’<sup>53</sup> Maka ambillah pengajaran dan ketahuilah bahawa ketinggian seseorang insan sebenarnya bergantung kepada ketinggiannya ketika hari kebangkitan kelak.<sup>54</sup>

Keseluruhaninya, *al-'aql* dalam makna *i'tabara* dibincangkan dalam beberapa konteks ayat:

1. Ia lebih tertumpu kepada ayat-ayat yang menceritakan tentang kebinasaan yang ditimpakan ke atas umat dan golongan terdahulu lantaran enggan mengikuti ajaran nabi mereka. Kisah-kisah ini sebenarnya disebut supaya diambil pengajaran.<sup>55</sup>
2. Ayat yang berhubung dengan hukum alam yang ditetapkan oleh Allah s.w.t bagi setiap manusia di atas muka bumi ini. Putaran hidup manusia yang diciptakan dalam keadaan lemah dan tidak berupaya (bayi)

<sup>52</sup> Abī Su'ūd (1994), *op.cit.*, j. 7, h. 177.

<sup>53</sup> Al-Alūsī (1994), *op.cit.*, j. 13, h. 69.

<sup>54</sup> Al-Baghawī (1993), *op.cit.*, j. 4, h. 15.

<sup>55</sup> Ayat-ayat tersebut ialah (al-Ankabūt (29): 35), (Yāsin (36): 62) dan (al-Şaffāt (38): 138)

dikembalikan semula kepada keadaan itu apabila menjelang usia tua. Ini semua perlu diambil pengajaran bahawa Dia Maha Berkusa atas segalanya. Manusia tidak mampu menghalangnya.<sup>56</sup>

3. Ayat yang menyebut tentang ciptaan-ciptaan Allah s.w.t (ayat *kawniyyāt*).

Ia membawa maksud *i'tabara* kerana untuk disesuaikan dengan lafaz (المرأة) dalam permulaan ayat sebelumnya. Pentafsiran tersebut berdasarkan *munāsabah* perkataan antara dua ayat.<sup>57</sup>

#### 4.2.1.4 *Adraka* (ادرک)

Merujuk kepada beberapa kamus apabila dikatakan (ادرک الشیء بصره) ia bermaksud melihatnya (ادرک المثلی بعقله) dan (رأة) bermaksud memahaminya (فهمة).<sup>58</sup> *Adraka* dalam pengertian pertama membincangkan lafaz tersebut dari sudut *zahiri* iaitu pancaindera. Manakala dalam pengertian kedua membincangkannya dari sudut *ma'nawi* iaitu akal. *Adraka* yang dimaksudkan di sini ialah kedua-dua makna tersebut. Ini kerana ayat-ayat *al-'aql* dalam maksud *adraka* menyentuh maksud kedua-duanya. Daripada kesemua ayat *al-'aql* yang dikaji, penulis hanya menemui tiga ayat sahaja yang membawa makna *adraka* iaitu (*al-Baqarah* (2): 171), (*al-Anfāl* (8): 22) dan (*Yūnus* (10): 42).<sup>59</sup> Salah satu daripada firmanNya ialah:

وَمِثْلُ الَّذِينَ كَفَرُوا كَمِثْلُ الَّذِي يَتَعَقَّبُ بِمَا لَا يَسْتَعْدِمُ إِلَّا دُعَاءً وَنِدَاءً صُمُّ بُكْمُّ عَمَّيْ فَهُمْ لَا يَقْنُلُونَ (171)

<sup>56</sup> Ayat tersebut ialah (*Yāsin* (36): 68)

<sup>57</sup> Ayat tersebut ialah (*al-Nahl* (16): 67)

<sup>58</sup> Ibrāhīm Anis *et al.* (t.t), *op.cit.*, j. 1, h. 281. Lihat juga Ibn Manzūr (1990), *op.cit.*, j. 10, h. 420.

<sup>59</sup> Penulis mendatangkan satu contoh sahaja.

*Maksudnya: Dan bandingan (orang-orang yang menyeru) orang-orang kafir (yang tidak mahu beriman itu), samalah seperti orang yang berteriak memanggil binatang yang tidak dapat memahami selain dari mendengar suara panggilan sahaja; mereka itu ialah orang-orang yang pekak, bisu dan buta; oleh sebab itu mereka tidak dapat menggunakan akalnya.*

Surah al-Baqarah (2): 171

Dalam ayat ini Allah s.w.t mengumpamakan orang kafir seperti binatang ternakan lantaran sikap mereka yang enggan menerima ajaran yang diturunkan oleh Allah s.w.t. dan enggan mendengar dan melihat apa yang ingin disampaikan. Bukan sekadar itu sahaja, malahan mereka bersikap degil dan ingin terus kekal dalam anutan agama nenek moyang mereka. Sikap keras kepala tersebut menyebabkan mereka tidak mendengar apa yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. Keadaan mereka itu diumpamakan Allah s.w.t seperti pengembala yang menyeru ternakannya, tetapi tidak memberi apa-apa manfaat.<sup>60</sup>

Ekoran daripada itu, Allah s.w.t menyifatkan mereka (بَكْنَمٌ) (مُمْعِنٌ) – tuli, bisu dan buta-. Mereka dikatakan tuli kerana mereka sebenarnya mendengar tetapi berpura-pura tidak mendengarnya. Mereka dikatakan bisu kerana tidak menjawab seruan ke atas mereka dan mereka dikatakan buta kerana mereka melihat akan kebenaran tetapi pura-pura tidak melihatnya.<sup>61</sup> Menurut al-Alusi (بَشَّارُ الدِّينِ) di sini bererti (بَلْ لَا يَعْرِفُونَ) iaitu mereka tidak mengerti sesuatu pun lantaran kehilangan tiga deria tersebut sebagaimana kata sesetengah ulamak barangsiapa kehilangan deria, maka dia akan kehilangan ilmu.<sup>62</sup>

<sup>60</sup> Al-Rāzī (t.t), *op.cit.*, j. 5, h. 8.

<sup>61</sup> *Ibid.*

<sup>62</sup> Al-Alusi (t.t), *op.cit.*, j. 1, h. 41.

Untuk mengerti dan memahami sesuatu perkara yang boleh diterima akal (*ma'qul*), ia perlu melalui proses *tadabbur* ( تَدَبُّر ) dan *ta'ammul* ( تَامُّل ). Demikian juga proses yang dilalui untuk memperolehi ilmu daripada ayat-ayat Allah s.w.t. Namun, apabila mereka mengambil sikap tuli, buta dan bisu terhadap ayat-ayat Allah, maka secara keseluruhannya mereka telah hilang wasilah untuk mentadabbur dan memahami.<sup>63</sup>

Ringkasnya, penulis mendapati ayat-ayat yang membawa maksud *adraka* merupakan ayat-ayat yang menyentuh persoalan pancaindera. Ayat-ayat tersebut keseluruhannya menceritakan tentang kedegilan orang-orang kafir dalam menerima ajaran yang disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Nikmat pancaindera yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t mereka tidak memanfaatkannya sebaik mungkin. Justeru itu penulis mendapati kesemua ayat *al-'aql* dalam istilah ini didatangkan dalam bentuk penafian ( لَا يَعْلَمُونَ ).<sup>64</sup>

#### 4.2.1.5 *Fahima* ( فَهِمْ )

Merujuk Lisan al-'Arab *fahima* atau *al-fahm* bermaksud mengetahui sesuatu dengan hati.<sup>65</sup> *Al-'aql* dalam makna ini terdapat di beberapa tempat dalam al-Quran. Pertamanya berkisar mengenai hukum-hakam yang perlu difahami sebagaimana yang disyariatkan Allah s.w.t. Penulis menemui tiga ayat berhubung

<sup>63</sup> Abi Su'ūd (1994), *op.cit.*, j. 1, h. 190.

<sup>64</sup> Ayat-ayat tersebut ialah ( al-Baqarah (2): 171), (al-Anfāl: 22) dan (Yūnus: 43)

<sup>65</sup> Ibn Manzūr (1990), *op.cit.*, j. 12, h. 459.

dengan konteks ini iaitu (*al-Baqarah*: 242), (*al-Nur*: 61) dan (*al-An'ām*: 151).

Salah satu daripada firmanNya:<sup>66</sup>

وَالَّذِينَ يُتْوَفَّونَ مِنْكُمْ وَيَذْرُونَ أَرْوَاحًا وَصِيَّةً لِأَرْوَاحِهِمْ مَتَاعًا إِلَى الْحَوْلِ غَيْرِ إِخْرَاجٍ فَإِنْ خَرَجْنَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِي مَا فَعَلْنَ فِي أَنفُسِهِنَّ مِنْ مَعْرُوفٍ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ (240) وَلِلنُّطْقَاتِ مَتَاعٌ بِالْمَعْرُوفِ حَقًا عَلَى الْمُتَّقِينَ (241) كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ (242)

Maksudnya: Dan orang-orang yang (hampir) mati di antara kamu serta meninggalkan isteri, hendaklah berwasiat untuk isteri-isteri mereka, iaitu diberi nafkah saguhati (makan, pakai dan tempat tinggal) hingga setahun lamanya, dengan tidak disuruh pindah dari tempat tinggalnya. Kemudian jika mereka keluar (dari tempat tinggalnya dengan kehendaknya sendiri) maka tidaklah kamu bersalah ( wahai wali waris si mati) mengenai apa yang mereka (isteri-isteri itu) lakukan pada diri mereka dari perkara yang patut yang tidak dilarang Syarak itu dan ingatlah, Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. Dan isteri-isteri yang diceraikan berhak mendapat Mut'ah (pemberian saguhati) dengan cara yang patut, sebagai satu tanggungan yang wajib atas orang-orang yang taqwa. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu hukum-hukumnya supaya kamu memahaminya.

Surah al-Baqarah (2): 240-242

Tafsiran ayat 242 berkait rapat dengan dua ayat sebelumnya yang menceritakan tentang wasiat yang perlu ditinggalkan kepada isteri yang akan kematian suami dan mut'ah yang perlu diberikan kepada isteri yang diceraikan. Maka dalam ayat 242, Allah s.w.t menjelaskan bahawa demikianlah hukum-hakam yang telah disyariatkan kepada hamba-hambaNya supaya mereka memahaminya<sup>67</sup> dan mempraktikkannya dalam kehidupan. Lafaz (تَشْرِئِنَ) di sini membawa erti (تَنْهِمُونَ).<sup>68</sup>

<sup>66</sup> Penulis mendatangkan satu contoh sahaja.

<sup>67</sup> Abi Su'ūd (1994), *op.cit.*, j. 3, h. 237.

<sup>68</sup> *Ibid.* Lihat juga al-Alūsi (t.t), *op.cit.*, j. 1, h. 160.

Manakala yang keduanya pula membincangkan *al-'aql* dari konteks kefahaman terhadap al-Quran dan kebenaran risalah tersebut. Firman Allah s.w.t:

فَقُلْنَا اضْرِبُوهُ بِعَصْبِهَا كَذَلِكَ يُخْتَى اللَّهُ الْمَوْتَى وَتُرِيكُمْ آيَاتِهِ لَعْلَكُمْ تَعْقِلُونَ (73)

Maksudnya: Maka Kami (Allah) berfirman: "Pukullah si mati dengan sebahagian anggota lembu yang kamu sembelih itu" (Mereka pun memukulnya dan ia kembali hidup). Demikianlah Allah menghidupkan orang-orang yang telah mati, dan memperlihatkan kepada kamu tanda-tanda kekuasaanNya, supaya kamu memahaminya.

Surah al-Baqarah (2): 73

Ayat ini merupakan sebahagian daripada kisah seorang lelaki Bani Israil yang telah dibunuh. Tetapi malangnya pembunuhan tersebut tidak diketahui. Lantas Allah s.w.t memerintahkan mereka menyembelih seekor lembu betina dan memukulnya pada mayat tersebut.<sup>69</sup> Dengan izin Allah, mayat itu bangun dan memberitahu pembunuohnya. Peristiwa ini menunjukkan Allah s.w.t berkuasa atas segala sesuatu. Perkara tersebut amat luar biasa (الخارقة للعادة) dan mustahil berlaku dalam kehidupan manusia<sup>70</sup> melainkan dengan izinNya. Demikianlah Allah s.w.t menghidupkan semula orang-orang yang telah mati akhirat kelak.<sup>71</sup> Semua ini perlu kamu fahami dan ia sudah cukup menjadi bukti akan kebenaran al-Quran dan rasul utusanNya.

<sup>69</sup> Para ulamak bertelingkah pendapat mengenai bahagian anggota lembu yang diambil. Menurut Ibn 'Abbas dan sebahagian besar ulamak, ia dipukul dengan tulang muda yang halus. Menurut Mujāhid dan Sa'īd bin Jubayr pula, ia dipukul dengan hujung ekor. Manakala menurut al-Dūhhāk ia dipukul dengan lidah kerana ia mununjukkan anggota untuk bercakap. Adapun al-Kalbi dan 'Ikrimah berpendapat ia dipukul dengan tapak kaki kanan. Para ulamak juga berselisih pendapat mengenai bahagian anggota mayat yang dipukul dan masa kejadian. Ada yang berpendapat ia dipukul di leher mayat sebelum dikebumikan. Dan ada yang berpendapat ia dipukul di atas kubur selepas dikebumikan. Lihat al-Baghāwī (1993), *op.cit.*, j. 1, h. 51. Lihat juga al-Ālūsī (t.t), *op.cit.*, j. 1, h. 294.

<sup>70</sup> Abī Su'ūd (1994), *op.cit.*, j. 1, h. 114.

<sup>71</sup> Dr. Muhammad Maḥmūd Hijāzī (1978), *op.cit.*, j. 1, h. 44.

Secara ringkasnya, *al-'aql* dalam istilah *fahima* tertumpu kepada ayat-ayat yang berhubung dengan:

1. Hukum-hakam yang disyariatkan oleh Allah s.w.t. Setiap hukum yang disebut dalam al-Quran bukan sekadar untuk bacaan semata-mata tetapi Allah s.w.t mengharapkannya difahami dan dipraktikkan dalam kehidupan. Oleh yang demikian, penulis mendapati kesemua ayat tersebut diakhiri dalam bentuk *tarjī'ī* atau pengharapan (أَتَكُمْ تَعْقِلُونَ).<sup>72</sup>
2. Ayat berhubung dengan kefahaman terhadap al-Quran dan kebenaran risalah tersebut.<sup>73</sup>

#### 4.2.1.6 *Lāhaza* (لَاحِظْ)

Selain itu, *al-'aql* juga membawa maksud *lāhaza* iaitu memandang dengan ekor mata sama ada dari sudut kanan atau kiri.<sup>74</sup> Firman Allah s.w.t:

قُلْ لَوْ شَاءَ اللَّهُ مَا ظَاهِرٌ عَنْكُمْ وَلَا أَذْرَاكُمْ بِهِ فَقَدْ بَيْتُ فِيْكُمْ عُمْرًا مِنْ قَبْلِهِ  
أَفَلَا تَعْقِلُونَ (16)

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika Allah kehendaki (supaya aku tidak membacakan Al-Quran ini kepada kamu), tentulah aku tidak dapat membacakaninya kepada kamu, dan tentulah ia tidak memberitahu kamu akan Al-Quran ini (dengan perantaraanku); kerana sesungguhnya aku telah tinggal dalam kalangan kamu satu masa yang lanjut (dan kamu pula mengenal aku sebagai seorang yang amanah) sebelum turunnya Al-Quran ini; maka mengapa kamu tidak mahu memikirkannya?"

Surah Yūnus (10): 16

<sup>72</sup> Ayat-ayat tersebut ialah (al-Baqarah: 242), (al-Nūr: 61) dan (al-An'ām: 151)

<sup>73</sup> Ayat tersebut ialah (al-Baqarah: 73)

<sup>74</sup> Ibrāhīm Anīs *et al.*, *op.cit.*, j. 2, h. 818. Lihat juga Ibn Manzūr (1994), *op.cit.*, j. 7, h. 458.

Ayat ini didatangkan oleh Allah s.w.t untuk menangkis dakwaan kaum musyrikin Mekah yang mengatakan al-Quran dari Muhammad s.a.w, bukan dari Allah s.w.t. Ia tidak logik kerana mereka amat mengenali Nabi Muhammad s.a.w dan mereka hidup bersama-sama baginda, sama-sama melihat perkembangan hidupnya daripada kecil sehingga dibangkitkan menjadi rasul. Mereka juga melihat bagaimana beliau tidak pernah berguru dan belajar dengan sesiapa pun. Namun selepas empat puluh tahun, al-Quran yang mengandungi pelbagai ilmu dan mukjizat hadir di tengah-tengah masyarakat mereka, mereka mendakwa ia dari Muhammad. Hanya akal yang sempurna sahaja mengakui ia adalah wahyu dari Allah s.w.t.<sup>75</sup>

Menurut al-Alusi dan Abi Su'ud (أبى سعُود) dalam ayat ini membawa erti (أَنذِّرْهُمْ ) iaitu seruan memerhati. Sekiranya dilihat diri dan keadaan Muhammad s.a.w dalam tempoh empat puluh tahun itu, mana mungkin *kalām* al-Quran itu hasil ciptaan kerana mengikut hukum akal yang sihat perkara ini mustahil berlaku. Mustahil kitab yang sebegini besar datang dari seorang yang tidak pernah belajar, tidak pernah berguru dan tidak pernah menghasilkan satu buku pun. Sesungguhnya apa yang beliau ketahui semuanya adalah melalui wahyu Allah s.w.t.<sup>76</sup>

Adapun seruan memerhati dalam surah *al-Baqarah* pula ditujukan kepada orang-orang mukmin.<sup>77</sup> FirmanNya:

<sup>75</sup> Al-Razi (t.t), *op.cit.*, j. 17, h. 57.

<sup>76</sup> *Ibid.*, h. 58.

<sup>77</sup> *Ibid.*, j. 3, h. 136-137. Lihat juga Abi Su'ud (1994), *op.cit.*, j. 1, h. 118.

وَإِذَا لَقُوا الَّذِينَ آمَنُوا قَالُوا أَمْنَا وَإِذَا خَلَّ بَعْضُهُمْ إِلَيْ بَعْضٍ قَالُوا أَتَحَدُّونَهُمْ  
بِمَا فَتَحَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ لِيُحَاجُوكُمْ بِهِ عِنْدَ رَبِّكُمْ أَفَلَا يَتَّقُولُونَ (76)

Maksudnya: Dan apabila mereka (orang-orang Yahudi pada zaman Rasulullah) bertemu dengan orang-orang yang beriman, mereka berkata: "Kami telah beriman"; dan apabila mereka berjumpa sesama sendiri, mereka berkata: "Patutkah kamu ceritakan kepada mereka (orang-orang Islam) dengan apa yang telah diterangkan oleh Allah kepada kamu (di dalam Kitab Taurat mengenai kebenaran Nabi Muhammad) untuk menjadikannya hujah (bukti) yang dapat mengalahkah kamu di sisi Tuhan kamu? Tidakkah kamu berakal?"

Surah al-Baqarah (2): 76

Dalam ayat ini Allah s.w.t memperlihatkan sifat-sifat buruk orang Yahudi munafik ketika berhadapan dengan baginda s.a.w dan sahabat-sahabatnya. Mereka menonjolkan sikap yang baik dan berpura-pura beriman. Namun, apabila kembali kepada puak dan kaum mereka, mereka memperkatakan sebaliknya. Menurut Abi Su'ud (أبى سعُود) di sini membawa maksud (آنذ نَلَجِطُونَ) iaitu tidakkah kamu melihat kejahatan yang amat besar yang mereka lakukan itu?<sup>78</sup> Sesungguhnya semua ini hanya dilakukan oleh orang-orang yang tidak berakal.

Berdasarkan pemerhatian penulis, secara ringkasnya dapat disimpulkan bahawa ayat-ayat *al'aql* dalam istilah *lākazā* tertumpu kepada ayat-ayat yang mengandungi kisah disebalik intipati ayat tersebut.

1. Kisah mengenai Nabi Muhammad s.a.w yang perlu diberi perhatian oleh golongan kafir supaya mereka tidak membuat telahan yang terburu-buru dan tidak benar mengenai baginda.<sup>79</sup>

<sup>78</sup> Abi Su'ud, *ibid.*

<sup>79</sup> Ayat tersebut ialah (Yūnus: 16)

2. Kisah mengenai sikap golongan Yahudi yang perlu diberi perhatian oleh golongan mukmin agar tidak tertipu dengan sikap kepura-puraan mereka menerima Islam.<sup>80</sup>

#### 4.2.1.7 *Tafaqqaha* ( تفہّم )

Merujuk kamus, *tafaqqaha* ( تفہّم ) bermaksud *tafhamu* ( تفہیم ) atau *tafaqqa*<sup>81</sup> ( تفہمن ) iaitu memahami sepenuhnya atau mendalaminya. *Al-'aql* dalam maksud *tafaqqaha* terdapat dalam dua tempat dalam al-Quran. Pertamanya dalam surah *al-Baqarah* ayat 44 dan keduanya dalam surah *al-Syū'arā'* ayat 28. Firman Allah s.w.t dalam surah *al-Baqarah*:

أَنَّمَرُونَ النَّاسَ بِإِلَيْهِ وَتَسْوِئُنَ أَنفُسَكُمْ وَإِنَّمَا تَشْتُونَ الْكِتَابَ أَنَّلَا يَعْلَمُونَ (44)

*Maksudnya: Patutkah kamu menyuruh manusia supaya berbuat kebaikan sedang kamu lupa akan diri kamu sendiri; padahal kamu semua membaca Kitab Allah, tidakkah kamu berakal?*

Surah al-Baqarah (2): 44

Munurut Ibn 'Abbas, ayat ini ditujukan kepada pendita-pendita Yahudi Madinah yang menyeru manusia mengikuti ajaran Nabi Muhammad s.a.w sedangkan diri mereka berada dalam keadaan sebaliknya.<sup>82</sup> Sikap tersebut merupakan sesuatu yang amat mengejutkan kerana pada hakikatnya mereka sudah mengetahui (*faqih*) akan kebangkitan Nabi Muhammad s.a.w melalui kitab Taurat yang menjadi pegangan mereka selama ini.<sup>83</sup>

<sup>80</sup> Ayat tersebut ialah (*al-Baqarah*: 76)

<sup>81</sup> Ibrāhīm Anīs *et al.*, *op.cit.*, j. 2, h. 698.

<sup>82</sup> Abi Su'ūd (1994), *op.cit.*, j. 1, h. 97. Lihat juga al-Alūsī (t.l), *op.cit.*, h. 248.

<sup>83</sup> Abi Su'ūd, *ibid.*

Menurut Abu Ja'far (أَبُو جَعْفَرَ) dalam ayat tersebut bermaksud (وَمَا يَعْلَمُونَ) iaitu tidakkah kamu mendalami dan memahami bahawa apa kamu lakukan itu adalah amat keji<sup>84</sup> sedangkan kamu mengetahui keimanan kepada Allah dan Muhammad adalah benar. Pada hemat penulis, lafaz *al-'aql* dalam ayat ini boleh ditakrifkan sebagai (الْفِتْنَةُ) (الفتنة) sahaja kerana sifat bagi (الْفَهْمُ) (الفهم), tetapi tidak sebaliknya.

FirmanNya lagi dalam surah *al-Syu'arā'*:

فَالْ رَبُّ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَمَا يَتَهُمُ إِنْ كُثُرْتُمْ تَعْلَمُونَ (28)

Maksudnya: Nabi Musa (menerangkan lagi tentang keesaan Allah dan kekuasaanNya dengan) berkata: "Dia lah yang memiliki dan menguasai timur dan barat serta segala yang ada di antara keduanya; kalau kamu orang-orang yang berakal tentulah memahamiNya!"

Surah *al-Syu'arā'* (26): 28

Ayat ini merupakan ayat *kawniyyāt* yang membuktikan kebesaran Allah s.w.t sebagai Tuhan semesta alam. Ia adalah penegasan Nabi Musa a.s kepada Firaun dalam perdebatan mereka ketika beliau cuba menyampaikan seruan Tuhan. Ayat ini juga berkait rapat dengan ayat sebelumnya yang menceritakan tentang pengaruh pergerakan langit dan isinya terhadap pertukaran malam dan siang. Oleh sebab itu, lafaz (الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ) disebut bagi menggambarkan terbit dan tenggelamnya matahari dan sekaligus menggambarkan pergerakan langit.<sup>85</sup>

<sup>84</sup> Abī Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (1968), *Jāmi' al-Bayān 'An Ta'wīl al-Qur'ān*, j. 1, c. 3. Mesir: Syarikah Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Babī al-Ḥalabī wa Aulādih, h. 259.

<sup>85</sup> Al-Sayyid Maḥmūd Syukrī al-Alūsī (t.t.), *Rūb al-Ma'āni fī Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm wa al-Sab' al-Mathānī*, j. 10. T.T.P: Dār al-Fikr, h. 72-73.

Menurut al-Marāghi, lafaz *al-'aql* dalam ayat tersebut bermaksud (أَقْلَى )

iaitu sekiranya kamu mempunyai akal, kamu akan mendalami apa yang dikhabarkan itu.<sup>86</sup> Menurutnya lagi, penggunaan lafaz (عَنْهُنْ ) di penghujung ayat tersebut adalah untuk diserasikan dengan penghujung ayat sebelumnya (عَنْهُنْ ).<sup>87</sup>

*Munāsabah* antara kedua-dua ayat ini dilihat dari sudut pertentangan sifat yang wujud di penghujung ayatnya iaitu ‘berakal’ dan ‘gila’.

Konsep yang dibawa oleh ayat *kawniyāt* ini agak berbeza dengan ayat-ayat *kawniyāt* lain kerana intipati ayat tersebut bukan sekadar menceritakan tentang kebesaran Allah s.w.t tetapi ia lebih khusus iaitu mengenai perdebatan Nabi Musa dengan Firaun. Ayat tersebut merupakan seruan Nabi Musa kepada Firaun supaya mendalami segala ciptaan Tuhan agar dia mengakui kebesaranNya. Bukan sekadar melihat dan berfikir, tetapi lebih daripada itu.

Secara ringkasnya, ayat-ayat yang membawa maksud *tafaqqaḥa* ialah ayat-ayat yang menceritakan tentang keengganannya golongan tertentu untuk mengakui sesuatu perkara yang mereka sendiri punya pengetahuan mendalam mengenainya.

1. Keengganannya pendita Yahudi mengakui kebangkitan Muhammad s.a.w sedangkan mereka sudah mengetahuinya (*faqih*) dari kitab Taurat.<sup>88</sup>
2. Keengganannya Fir'aun mengakui kebesaran Allah s.w.t lantaran sifat ego membaluti dirinya.<sup>89</sup>

<sup>86</sup> Al-Marāghi (1966), *op.cit.*, j. 19, h. 54.

<sup>87</sup> Iaitu al-Syu'arā' (26): 27 {عَنْهُنْ لَهُنْ كُفَّارٌ إِذْ أَرْسَلْنَا إِلَيْهِمْ نَذْكُرَنَا}. Lihat al-Marāghi, *ibid.*

<sup>88</sup> Ayat tersebut ialah (al-Baqarah (2): 44)

<sup>89</sup> Ayat tersebut ialah (al-Syu'arā' (26): 28)

#### 4.2.1.8 'Alima (علم)

Selain daripada itu, *al-'aql* dalam al-Quran turut membawa maksud '*alima* (علم) atau '*arifa* (عرف) iaitu mengetahui.<sup>90</sup> Penulis menemui sembilan ayat *al-'aql* yang membawa maksud tersebut iaitu:

(1) Enam daripadanya datang dalam bentuk penafian yang mana:

- Empat daripadanya membincangkan mengenai kejahilan orang-orang kafir.
- Satu ayat membincangkan tentang kejahilan sesetengah orang Arab dalam beradab sopan ketika bersama baginda s.a.w.
- Satu ayat mengenai patung sembahana orang-orang kafir yang tidak mengetahui sesuatu pun.

(2) Dua ayat membincangkan *al-'aql* dari segi pengetahuan mengenai negeri akhirat.

(3) Dan satu ayat membincangkan *al-'aql* dari sudut pengetahuan tentang ajaran dan nasihat-nasihat Allah s.w.t.

Salah satu contoh daripada enam ayat pertama ialah firman Allah s.w.t:

وَإِذَا نَادَيْتُمْ إِلَيَّ الصَّلَاةَ أَنْهَذُوهَا هُرُوا وَلَعِبُوا ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَعْقِلُونَ (58)

Maksudnya: *Dan apabila kamu menyeru (azan) untuk mengerjakan sembahyang, mereka menjadikan sembahyang itu*

<sup>90</sup> Ibn Manzur (1990), *op.cit.*, j. 12, h. 418.

*sebagai ejek-ejekan dan permainan. Yang demikian itu ialah kerana mereka suatu kaum yang tidak berakal.*

Surah al-Mā'idah (5): 58

Ayat ini menyatakan sebahagian bentuk ejekan kaum musyrikin ketika mempersendakan dan mempermainkan agama Islam. Menurut satu riwayat, ayat ini diturunkan kepada seorang lelaki Nasrani di Madinah ketika beliau mendengar *muazzin* melaungkan ( أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ ) , lantas dia berkata, “penipu perlu dibakar”. Ekoran daripada itu, pada suatu malam ketika beliau dan keluarganya sedang nyenyak tidur, orang suruhan *muazzin* tersebut telah datang membawa kayu api dan mencampakkannya ke atas rumah lelaki tersebut. Dia dan ahli keluarganya mati dalam kebakaran itu.<sup>91</sup>

Kebanyakan mufasir menafsirkan (ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ فَوْجٌ لَا يَنْقُولُنَّ ) sebagai kaum yang tidak berakal lantaran penghinaan dan ejekan yang mereka lemparkan. Kebodohan yang membelenggu diri menjadikan mereka bukan sahaja jahil dalam menilai kebenaran, malah turut mempersendakannya.<sup>92</sup> Oleh sebab itu, ( يَنْقُولُنَّ ) di sini boleh diertikan sebagai ( لَا يَنْقُولُنَّ ) iaitu gambaran kepada kejahilan mereka. Sekiranya mereka mempunyai akal yang sempurna, mereka akan membesarkan Allah s.w.t dan mengagungkanNya tanpa sebarang ejekan dan penghinaan. Bahkan akan berusaha melakukan sebaik-baik amalan dan semulia-mulia perbuatan.<sup>93</sup>

<sup>91</sup> Al-Baghāwī (1993), *op.cit.*, j. 2, h. 39. Lihat juga al-Rāzī (t.t), *op.cit.*, j. 12, h. 33.

<sup>92</sup> Abi Su'ūd (1994), *op.cit.*, j. 3, h. 53. Lihat juga al-Alūsi (1993), *op.cit.*, j. 3, h. 252.

<sup>93</sup> Al-Rāzī (t.t), *op.cit.*, j. 12, h. 33.

Manakala contoh dari skop yang ke dua pula<sup>94</sup> ialah firman Allah s.w.t:

فَخَلَفَ مِنْ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ وَرَبُّوا الْكِتَابَ يَأْخُذُونَ عَرَضَ هَذَا الْأَدْنَى وَيَقُولُونَ  
سَيُغْفَرُ لَنَا وَإِنْ يَأْتِهِمْ عَرَضٌ مِثْلُهُ يَأْخُذُوهُ أَلَمْ يُؤْخَذْ عَلَيْهِمْ مِثْقَالُ الْكِتَابِ أَنْ  
لَا يَقُولُوا عَلَى اللَّهِ إِلَّا الْحَقُّ وَدَرَسُوا مَا فِيهِ وَالَّذَّارُ الْآخِرَةُ خَيْرٌ لِلَّذِينَ يَعْمَلُونَ  
(169)

*Maksudnya: Maka mereka kemudianya digantikan oleh keturunan-keturunan yang jahat yang mewarisi Kitab (Taurat). Mereka mengambil kebendaan yang hina di dunia ini sambil berkata: "Akan diampunkan kelak dosa kami" Padahal jika datang kepada mereka kebendaan yang hina seperti itu mereka akan mengambilnya lagi. Bukankah telah diambil perjanjian setia daripada mereka di dalam kitab Taurat bahawa mereka tidak memperkatakan terhadap Allah melainkan yang benar? Dan mereka pula telah mempelajari apa yang terkandung di dalamnya? Dan juga (mereka mengetahui bahawa) negeri akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa. Tidakkah kamu mahu mengerti?*

Surah al-'Arāf (7): 169

Ayat ini menceritakan tentang generasi jahat yang mengikuti ajaran Taurat yang mana mereka datang selepas generasi salihin. Mereka telah mengubah isi kandungan kitab tersebut dengan menghalalkan rasuah. Kemudian mereka mengatakan hal itu akan mendapat keampunan Allah s.w.t.<sup>95</sup> Sedangkan mereka telah berjanji tidak akan membuat sebarang kejahatan dan kebatilan, malah saling ingat-mengingati antara satu sama lain.<sup>96</sup> Lantas Allah s.w.t menyoal mereka, "tidakkah kamu mengetahui bahawa negeri akhirat sebenarnya tempat yang lebih baik bagi orang-orang yang menjauhi rasuah?"<sup>97</sup>

<sup>94</sup> Penulis mendatangkan satu contoh sahaja.

<sup>95</sup> Al-Rāzī (t.1), *op.cit.*, j. 15, h. 44.

<sup>96</sup> *Ibid.*

<sup>97</sup> Al-Āṣi (1994), *op.cit.*, j. 9, h. 143. Lihat juga Abi Su'ūd (1994), *op.cit.*, j. 4, h. 288

Manakala contoh terakhir firman Allah s.w.t:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَشْخُنُوا بِطَائِةً مِّنْ دُونِكُمْ لَا يَأْلُوئُكُمْ خَيْرًا وَدُوا مَا عَنْتُمْ قَدْ بَدَتِ الْبَعْضَاءُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ وَمَا تُخْفِي صُدُورُهُمْ أَكْبَرُ قَدْ يَعْلَمُنَا لَكُمْ  
الآياتِ إِنْ كُشِّمْتِ تَعْقِلُونَ (118)

*Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang yang bukan dari kalangan kamu menjadi "orang dalam" (yang dipercayai). Mereka tidak akan berhenti-henti berusaha mendatangkan bencana kepada kamu. Mereka sukakan apa yang menyusahkan kamu. Telahpun nyata (tanda) kebencian mereka pada pertuturan mulutnya, dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka lebih besar lagi. Sesungguhnya telah kami jelaskan kepada kamu keterangan-keterangan itu jika kamu (mahu) memahaminya.*

Surah Āli ‘Imrān (3): 118

Allah s.w.t melarang kaum mukmin mengambil orang-orang kafir di kalangan Yahudi dan munafik sebagai pemimpin dan teman mereka. Ini kerana terdapat empat sifat dalam diri mereka yang akan memudaratkan agama Islam dan penganutnya. Pertama, mereka sentiasa menimbulkan kesusahan kepada golongan mukmin dan membawa mereka ke lembah kebinasaan sedaya yang termampu. Kedua, mereka berusaha menambahkan kesakitan golongan mukmin dalam apa jua urusan mereka.

Ketiga, mereka melahirkan kata-kata yang menunjukkan kebencian mereka kepada Islam. Bahkan turut mengadakan penipuan terhadap Muhammad dan kitab al-Quran serta menyeru mereka kepada kebodohan dan kejahilan. Dan keempat, Allah s.w.t memberi peringatan bahawa sebarang kata-kata yang mereka lahirkan sebenarnya hanyalah sedikit sahaja kedengkian mereka berbanding apa yang tersembuni di dalam hati mereka.<sup>98</sup>

<sup>98</sup> Al-Marāghi (1963), *op.cit.*, j. 4, h. 44.

Panduan dan nasihat ini cukup jelas bagi golongan mukmin untuk membezakan antara pemimpin dan musuh dan antara orang yang boleh dijadikan teman dan sebaliknya.<sup>99</sup> Hanya orang yang mengetahui hakikat ayat ini sahaja dapat membezakan antara musuh dan pemimpin dan dapat mengetahui akan kebaikan nasihat Allah s.w.t.<sup>100</sup>

*Al-'aql* yang membawa maksud '*alima* keseluruhannya dapat disimpulkan terdapat dalam beberapa hal seperti berikut:

1. Ayat yang berhubung dengan kejahilan golongan tertentu. Oleh sebab itu ia datang dalam bentuk penafian iaitu digandingkan dengan ( γ ).<sup>101</sup>
2. Ayat yang menceritakan tentang kelebihan kehidupan akhirat berbanding kehidupan dunia. Ia berbeza dengan konsep *al-'aql* yang dibawa dalam makna *tafakkara* kerana intipati ayat tersebut lebih memfokuskan kepada matlamat yang perlu dicapai untuk mendapat akhirat. Dengan kata lain intipati ayatnya lebih khusus dan terfokus.<sup>102</sup>
3. Ayat yang berhubung dengan panduan dan nasihat Allah s.w.t yang perlu diketahui supaya dapat mengelakkan daripada ditipu dan diperkotak-katikkan oleh Yahudi.<sup>103</sup>

<sup>99</sup> *Ibid.*, h. 45.

<sup>100</sup> *Ibid.* Lihat juga al-Tabarī (1968), *op.cit.*, j. 4, h. 64.

<sup>101</sup> Ayat-ayat tersebut ialah ( al-Mā'i'dah (5): 58), (al-Mā'i'dah (5): 103), ( al-Hasyr (59): 14), (al-Ankabūt (29): 63), (al-Hujurāt (49): 4) dan (al-Zumar (39): 43)

<sup>102</sup> Ayat-ayat tersebut ialah (al-'Arāf (7): 169) dan (Yūsuf (12): 109)

<sup>103</sup> Ayat tersebut ialah (Āli Imrān (3): 118)

#### 4.2.2. *Al-'aql* yang mempunyai beberapa makna

Sepanjang pengkajian, penulis turut menemui beberapa ayat *al-'aql* yang mempunyai beberapa maksud. Ayat-ayat tersebut ialah ayat yang menyebut tentang isi kandungan al-Quran yang perlu diketahui (عِلْمٌ), difahami (فَهِمْ)، didalami (تَدَبَّرَ) dan *ditadabbur* (تَدَبَّرَ). Firman Allah s.w.t:

حُمْ(1) وَالْكِتَابُ الْمُبِينُ(2) إِنَّا جَعَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ(3)

*Maksudnya: Haa, Miim. Demi Kitab Al-Quran yang menyatakan kebenaran. Sesungguhnya Kami jadikan Kitab itu sebagai Quran yang diturunkan dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal) memahaminya.*

Surah al-Zukhruf (43): 1-3

Dalam ayat tersebut Allah s.w.t menerangkan al-Quran sebagai kitab hidayah yang ditulis dalam Bahasa Arab iaitu bahasa percakapan Nabi Muhammad s.a.w. Maka fahamilah ia, dalamilah ilmu pengetahuan yang terdapat di dalamnya dan *tadaburilah* makna-maknanya.<sup>104</sup> Menurut beberapa tafsir, تَعْقِلُونَ ) dalam ayat ini membawa maksud ( تَدَبَّرُونَ )، ( تَجْعَلُونَ )، ( تَسْأَلُونَ ) dan ( تَعْلَمُونَ ).<sup>105</sup> Ini bersesuaian dengan intipati ayat berkonsep umum iaitu mengetahui isi kandungan al-Quran. Untuk mencapai tujuan itu akal berperanan memainkan segala aktivitinya sama ada tahu, faham, *tadabbur* dan dalami. Demikian juga tafsiran lafaz *al-'aql* dalam surah *Yūsuf* ayat 2.

<sup>104</sup> Al-Marāghī (1962), *op.cit.*, j. 25, h. 68.

<sup>105</sup> *Ibid.* Lihat juga al-Alūsi (1994), *op.cit.*, j. 14, h. 98. Lihat juga Abī Su'ūd (1994), *op.cit.*, j. 8, h. 39.

#### **4.3 KESIMPULAN**

Berdasarkan *munāsabah* ayat, lafaz *al-'aql* dalam al-Quran bukan tertumpu kepada makna akal semata-semata. Tetapi terdapat beberapa makna lain yang tersembunyi di sebalik penggunaan lafaz tersebut. Kalimah *al-'aql* sebenarnya digunakan sebagai asas bagi menggambarkan peranan-peranan akal yang lain. Kalau dilihat dari sudut definisi, peranan dan fungsi akal itu sendiri, kita dapat iaitu tidak tertumpu kepada satu peranan sahaja.

Malah peranan yang dimainkan oleh akal boleh dikatakan merangkumi aktiviti seharian seorang manusia seperti berfikir, melihat, merenung, memerhati dan sebagainya. Jadi, tidak keterlaluan sekiranya penulis mengatakan penggunaan kalimah *al-'aql* dalam al-Quran mempunyai makna yang fleksibel. Malah setiap makna itu pula bukan tertumpu kepada sesuatu aspek sahaja, tetapi dibincangkan dari konteks yang berbeza.

Keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa al-Quran menggunakan lafaz *al-'aql* dalam menggambarkan pelbagai aktiviti akal manusia. Makna setiap lafaz tersebut sebenarnya bergantung kepada intipati ayat. Lantaran itu, untuk mengetahui makna sebenar setiap daripadanya memerlukan pengkajian dan pemerhatian yang teliti.